

15 DEC 2000

Ling-Suqiu

MCA BERPENDAPAT SUQIU PILIH MASA YANG SALAH SENTUH HAK ISTIMEWA

KLUANG, 15 Dis (Bernama) -- Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata Jawatankuasa Rayuan Pilihannya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) telah memilih masa yang kurang sesuai untuk menyentuh isu hak keistimewaan Orang Melayu dan Bumiputara di negara ini.

Beliau bagaimanapun berpendapat isu itu sepatutnya dikemukakan pada masa depan apabila kedudukan ekonomi orang Melayu telah kukuh dan mungkin tidak lagi bergantung kepada bantuan kerajaan.

"Siapa tahu dalam tempoh 30 atau 40 tahun lagi, orang Melayu telah berjaya dalam ekonomi dan ia adalah masa yang sesuai untuk membuat tuntutan seperti ini," katanya selepas merasmikan seminar politik Wanita MCA Johor di sini hari ini.

Dr Ling berkata apabila Suqiu memberi jaminan bahawa isu berhubung hak keistimewaan orang Melayu merupakan wawasan jangka panjang, kerajaan mengarahkan jawatankuasa itu membincangkannya dengan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN).

"Kita (MCA) juga telah mengingatkan mereka (Suqiu) bahawa perbincangan seperti itu perlu diadakan secara tertutup kerana ia merupakan isu yang sensitif tetapi secara tiba-tiba isu itu diketahui umum," katanya.

Beliau berkata MCA telah memberikan maklumat balas yang baik terhadap 98 peratus daripada 83 tuntutan Suqiu kerana tuntutan itu mempunyai asas demi untuk membangunkan keadaan politik dan sosial negara ini.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat sekiranya kesemua 83 tuntutan Suqiu itu dipenuhi, kerajaan terpaksa mengetepikan Perlembagaan dan membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas negara ini.

Memorandum 17 tajuk yang mengandungi 83 tuntutan dan dikemukakan oleh jawatankuasa yang mewakili 13 persatuan Cina itu mencetuskan kontroversi dan disifatkan mencabar kontrak sosial apabila hak keistimewaan orang Melayu disentuh.

-- BERNAMA

RAM AKD